



PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Sindiket Macau Scam tumpas
Publication/Portal: Kosmo
Date: 30 April 2018

Language: Malay
Section: Negara
Page: 16

Polis tahan 6 lelaki termasuk tiga warga Taiwan dipercayai dalang kegiatan itu di Kedah.

Sindiket Macau Scam tumpas

ALOR SETAR – Polis Kedah menggagalkan cubaan sekumpulan warga Taiwan dan tempatan yang cuba membangunkan sebuah pusat operasi bagi menjalankan aktiviti kes penipuan Macau Scam dan penipuan pinjaman tidak wujud di sekitar negeri itu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Kedah, Superintendan Chan Teck Paing berkata, ia susulan serbuan ke atas sebuah kondominium dekat sini yang dijalankan pasukan JSJK Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah dan Kota Setar pada pukul 12 tengah hari, Rabu lalu.


Dalam serbuan itu, polis menahan tiga lelaki tempatan dan tiga lagi lelaki warga Taiwan dipercayai dalang kepada sindiket itu yang memasuki Malaysia menggunakan permit melancong.

Kesemua suspek berusia antara 20 hingga 37 tahun.

“Daripada tangkapan tersebut, polis menahan seorang lagi lelaki tempatan kerana disyaki terlibat mencari akaun bank 'keldai akaun' untuk kegunaan sindiket ini dalam penerimaan wang hasil penipuan.

“Dalam serbuan itu, pihak kami turut merampas barang bernilai RM15,000 termasuk komputer, laptop, kad sim tempatan, telefon bimbit serta kad mesin pengeluaran wang automatik (ATM) yang dipercayai akan digunakan untuk menjalankan kegiatan haram itu,” katanya pada sidang akhbar di IPK Kedah di sini semalam.

Sehubungan itu, pihaknya menyarankan orang ramai agar membuat semakan di laman web [semakmule](http://semakmule>ccid.rmp.gov.my>semakmule) bagi mengetahui sama ada akaun bank yang bakal dibuat pembayaran pernah terlibat dalam kes jenayah komersial atau tidak. – Bernama



TECK PAING (dua dari kiri) menunjukkan pasport warga Taiwan dan pelbagai jenis barang yang dirampas bernilai RM4,084 pada sidang akhbar di IPK Kedah semalam.